

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KADAR INFLASI MEREDA, KPDN KOMITED MENGEKANG KENAIKAN HARGA BARANG YANG TIDAK TERKAWAL

KUALA LUMPUR, 11 JULAI 2023 - Semenjak Kerajaan Perpaduan mengambil alih tampuk pemerintahan negara, kenaikan harga barang dan perkhidmatan atau dalam istilah ekonomi “**Inflasi**” adalah pada kadar yang lebih rendah. **Inflasi pada tahun 2023 terus mereda di mana kadar inflasi pada Mei 2023 adalah 2.8% berbanding 3.3% (April 2023), 3.4% (Mac 2023) dan 3.7% (Februari dan Januari 2023).** Kadar inflasi yang dinyatakan ini adalah lebih rendah jika dibandingkan pada **November 2022** sebelum Kerajaan Perpaduan memerintah di mana inflasi pada masa itu berada pada kadar **4.0%**.

2. Inflasi pada **Mei 2023** yang mereda pada kadar **2.8%** disumbangkan antaranya oleh inflasi **Kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol** yang mereda kepada **5.9% (Mei 2023)** berbanding **6.3% (April 2023)**. Subkumpulan Makanan di Rumah mencatatkan kadar inflasi yang lebih rendah iaitu **4.3% (Mei 2023)** berbanding **5.0% (April 2023)**; manakala **Subkumpulan Makanan di Luar Rumah** kekal pada kadar **8.1%** bagi April dan Mei 2023. Prestasi inflasi yang semakin baik ini adalah **hasil usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Perpaduan** bagi mengekang kenaikan harga yang tidak terkawal terutamanya bagi barang makanan dan barang keperluan asas.

Dasar Kawalan Harga Bersubsidi & Tanpa Subsidi

3. Kerajaan Perpaduan meneruskan dasar mengawal harga sama ada dengan atau tanpa subsidi bagi barang keperluan utama rakyat seperti **minyak masak botol dan peket, gula putih bertapis kasar dan halus, ayam bulat, telur gred A, B dan C, beras putih tempatan, LPG, RON 95 dan diesel**. Dalam hubungan ini, pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dilaksanakan oleh **KPDN** bagi memastikan bekalan adalah mencukupi, harga kawalan dipatuhi dan pada masa yang sama mengelakkan ketirisan. Sehingga **Jun 2023**, sebanyak **440,327** bilangan pemeriksaan telah dilaksanakan dan merekodkan **854 kes dan RM11.8 juta nilai sitaan/rampasan**.

Inisiatif Payung RAHMAH

4. **Inisiatif Payung RAHMAH** yang dilaksanakan oleh **KPDN** terbukti berjaya menstabilkan inflasi pada kadar yang lebih rendah. Kedudukan inflasi dengan **trend mereda** bagi **Subkumpulan Makanan di Luar Rumah** turut disumbangkan oleh pengenalan **Menu RAHMAH** pada 31 Januari 2023 yang lalu. **Inflasi Subkumpulan Makanan di Luar Rumah berjaya diturunkan kepada kadar 8.1% (Mei 2023) berbanding 9.6% (November 2022)**. Setakat ini, terdapat sebanyak **2,922 bilangan operator pengusaha Menu RAHMAH** di seluruh negara dan **290 pengusaha Menu Siswa RAHMAH** (dahulunya dikenali sebagai Kafe RAHMAH) di Universiti Awam dan Politeknik.

5. **Program Jualan RAHMAH** yang menawarkan **diskaun harga barang makanan dan keperluan asas sehingga 30%** sedang giat dilaksanakan oleh **KPDN** melibatkan **222 Kawasan Parlimen seluruh negara**. Sehingga **30 Jun 2023**, **KPDN** telah melaksanakan sebanyak **3,557 lokasi Jualan RAHMAH**.

Penekanan diberikan kepada pelaksanaan **Jualan RAHMAH** secara bergerak/mobil dengan **hashtag #KedaiCariRakyat** bagi memastikan manfaat **Jualan RAHMAH** dapat dinikmati oleh lebih ramai golongan rakyat berpendapatan rendah.

6. **Program Jualan RAHMAH KPDN** turut disokong dengan **Jualan Agro-Madani** oleh **Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan** yang membawa hasil pertanian terus dari ladang pada harga yang lebih murah. Sehingga kini sebanyak **620 Jualan Agro-Madani** telah dilaksanakan termasuklah di **52 premis-premis Kerajaan** di seluruh negara.

Pemantauan Harga Runcit

7. **KPDN** memantau harga bagi **480 item** di mana **186 item** dipantau secara harian. Data harga runcit dikutip setiap hari di lebih **1,400 premis di seluruh negara** merangkumi **pasar basah, pasaraya, pasaraya besar, kedai runcit dan pasar mini**. Pemantauan yang dilaksanakan menunjukkan **harga kebanyakan item adalah stabil bagi tempoh 4 bulan terkini**. Bagi **61 item** barang import yang dipantau; sebanyak **50 item (82%)** berada dalam harga yang stabil termasuk **28 item** mengalami penurunan harga. Antara item import yang menunjukkan penurunan harga adalah ayam belanda, daging kambing bebiri bertulang (Australia), daging lembu *blade*, daging kerbau *block* dan *blade* (India), lobak merah, bawang besar (Pakistan), bawang kecil merah (India dan Myanmar), ubi kentang russet.

8. Untuk pengetahuan, semua harga runcit yang dikutip ini dimuatkan dalam aplikasi mudah alih **Price Catcher KPDN** yang membolehkan pengguna membuat perbandingan harga. **KPDN** menyeru kepada pengguna untuk memuat

turun dan mengguna aplikasi **Price Catcher** bagi membantu mereka membuat perancangan perbelanjaan lebih awal.

Peringatan Kepada Peniaga Dan Pengguna

9. **KPDN** ingin mengingatkan kepada semua peniaga agar mengamalkan etika perniagaan yang sihat. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan mereka boleh diambil tindakan di bawah pelbagai akta dan perundangan berkaitan terutamanya **Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011**. Peniaga diingatkan untuk tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barang sesuka hati, menyorok barang kawalan serta menaikkan harga dengan alasan kekurangan bekalan.
10. Pengguna dan semua pihak yang prihatin boleh melaporkan sebarang ketidakpatuhan peniaga kepada **KPDN** melalui pelbagai saluran seperti berikut:
 - I. WhatsApp 019-279 4317 / 019-848 8000;
 - II. Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
 - III. Call Centre 1-800-886-800;
 - IV. E-mel (e-aduan@kpdn.gov.my);
 - V. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN, dan;
 - VI. Bilik Gerakan Penguatkuasaan 03-8882 6088 / 6245.
11. **KPDN** akan terus komited untuk memastikan seluruh warga **Malaysia MADANI** dilindungi dan tidak terbeban dengan peningkatan kos sara hidup dalam situasi mencabar dan tidak menentu pada hari ini.

**YB DATUK SERI SALAHUDDIN AYUB,
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP,
KUALA LUMPUR, 11 JULAI 2023.**

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:



Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia

